

18 FEB 2001

Khalil-Pas

KHALIL TELAH TERIMA SURAT PENANGGUHAN PERTEMUAN UMNO-PAS

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata Umno sedia menunggu bila tarikh Pas mahu mengadakan pertemuan bagi membincangkan perpaduan Melayu yang sepatutnya berlangsung esok.

Katanya, beliau telah menerima surat daripada Pas bahawa perjumpaan itu ditangguhkan atas alasan Pas memerlukan suasana lebih kondusif dalam pertemuan itu.

"Setakat ini, kita belum ada tarikh baru bila nak jumpa. Bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa mesyuarat di peringkat teknikal akan diteruskan tetapi tidak tahu bila dan di mana," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Pas bahawa pertemuan itu ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan.

Ketika ditanya sama ada penangguhan itu telah disampaikan kepada Presiden Parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata "Sudah".

Apabila Ditanya lagi, mengenai reaksi Dr Mahathir ketika diberitahu mengenai perkara itu Khalil berkata, "Tunggulah, tunggu,".

Beliau juga berkata mungkin apabila jawatankuasa teknikal berjumpa kedua-dua pihak, boleh membuat kenyataan bersama.

Sebelum itu, pada majlis yang sama bagi meraikan bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Dr Mahathir yang menjadi tetamu kehormat di majlis itu enggan mengulas mengenai penangguhan pertemuan itu.

"Tunggulah esok...banyak masa lagi," katanya.

Petang tadi, Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata keputusan Pas itu dibuat oleh jawatankuasa pusat parti itu pada mesyuaratnya di markas Pas di Taman Melewar di sini.

-- BERNAMA

NZ FAZ